

## KORELASI KEMAHIRAN KOMUNIKASI INTERPERSONAL DENGAN MOTIVASI DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ASING

### [THE CORRELATION BETWEEN INTERPERSONAL COMMUNICATION SKILLS AND MOTIVATION IN FOREIGN LANGUAGE LEARNING]

NOR SURIATI OTHMAN<sup>1\*</sup>  
KAMARUL SHUKRI MAT TEH<sup>2</sup>

#### Abstrak

Kemahiran Komunikasi Interpersonal (KKI) yang efektif dapat menghasilkan penyampaian maklumat yang lebih jelas. Ia turut mendorong suasana kondusif semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam bahasa asing. Kajian tinjauan ini direka untuk mengkaji korelasi antara KKI dengan Motivasi Pembelajaran Bahasa Asing. Seramai 360 orang pelajar bahasa asing yang dipilih secara rawak dari tiga buah universiti awam di Terengganu terlibat dalam kajian ini. Data kajian dikumpul dengan menggunakan soal selidik yang diadaptasi dan diubahsuai dari instrumen 'An interpersonal communication skill inventory' (ICSI) yang dibina oleh Bienvenu (1971), soal selidik kerja berpasukan yang dibina oleh Hasril et al. (2016) dan soal selidik Motivasi Pembelajaran Bahasa Asing oleh Nikita et al. (2016). Data dianalisis dengan menggunakan perisian "Statistical Package for the Social Science" (SPSS 25). Ujian statistik Spearman digunakan bagi menjawab soalan kajian dan menguji hipotesis berkaitan. Hasil kajian menunjukkan pekali korelasi menghasilkan nilai positif yang sederhana antara dua pemboleh ubah. Kesimpulannya, terdapat perkaitan yang signifikan antara Motivasi Pembelajaran Bahasa Asing dengan Kemahiran Komunikasi Interpersonal.

**Kata Kunci:** kemahiran komunikasi interpersonal, motivasi pembelajaran bahasa asing, korelasi, pengajaran dan pembelajaran, universiti awam

#### Abstract

The effectiveness of Interpersonal Communication Skill (ICS) can produce a clear message delivered. Furthermore, it also encourages a conducive atmosphere during the process of Teaching and Learning in a foreign language learning. This survey study was designed to examine the correlation between Interpersonal Communication Skills (ICS) and Motivation of Foreign Language Learning. A total of 360 foreign language students who were randomly selected from three public universities in Terengganu were involved in this study. Research data was collected using a questionnaire adapted and modified from the instrument 'An

---

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

#### Corresponding Author:

NOR SURIATI OTHMAN, Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.  
E-mail: [suriatiothman@unisza.edu.my](mailto:suriatiothman@unisza.edu.my)

interpersonal communication skill inventory' (ICSI) designed by Bienvenu (1971), a teamwork questionnaire by Hasril et al. (2016) and the Motivation of Foreign Language Learning by Nikita et al. (2016). Data was analysed using the "Statistical Package For The Social Science" (SPSS 25) software. Spearman's statistical test was used to answer research question and test related hypothesis. The result of the study shows that there is a moderate positive correlation coefficient between the two variables. In conclusion, there is a significant relationship between Motivation of Foreign Language Learning and Interpersonal Communication Skill.

**Keywords:** interpersonal communication skill, motivation of foreign language learning, correlation, teaching and learning, public university

**Cite This Article:**

Nor Suriati Othman & Kamarul Shukri Mat Teh. (2023). Korelasi Kemahiran Komunikasi Interpersonal dengan Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Asing. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 5(1), 29-39.

## PENGENALAN

Manusia berhubung antara satu lain dengan menggunakan bahasa yang difahami melalui komunikasi. Ia merupakan proses menghantar dan menerima maklumat, fikiran, perasaan dan idea dalam bentuk lisan atau bukan lisan di antara dua individu atau kumpulan. Fungsi komunikasi sangat luas dalam kehidupan manusia dan ia sentiasa berterusan dan kerap bertukar dari semasa ke semasa. Kepentingan komunikasi yang efektif diibaratkan seperti 'nadi' berfungsi untuk menyampaikan maklumat serta berkongsi pengalaman dan pemahaman berdasarkan kepada kandungan maklumat tersebut. Manakala kelemahan dalam berkomunikasi akan mengakibatkan kesan yang negatif apabila maklumat yang diterima disalah tafsir malah mendatangkan masalah.

## KEMAHIRAN KOMUNIKASI INTERPERSONAL

Kemahiran Komunikasi Interpersonal (KKI) merupakan elemen yang penting semasa berinteraksi secara bersemuka tanpa sebarang perantaraan atau saluran sama ada secara personal atau dalam kumpulan. Ia melibatkan pertukaran maklumat dan perasaan disertai dengan gabungan komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan serta diikuti dengan maklum balas yang segera (Dainton & Zalley 2010; DeVito 2002). Selain daripada berkebolehan untuk berkomunikasi secara efektif, seseorang individu dapat menguasai kemahiran lain dan berpengetahuan tentang kesan dan akibatnya dalam interaksi tersebut. KKI dapat membina hubungan sosial sesama individu sama ada dalam bentuk formal dan tidak formal. Oleh itu, KKI membentuk seseorang individu memahami persekitaran serta mengelakkan daripada berlaku sebarang konflik.

Pada masa yang sama, KKI banyak menyumbang kepada keberkesanan komunikasi dalam semua organisasi, perhubungan, kekeluargaan mahupun bersosialisasi. Hakikatnya, menguasai KKI merupakan satu kemahiran yang diaplikasikan ketika berkomunikasi dan berkolaborasi. Setiap individu boleh mempelajari dan mendalami kebolehan tersebut melalui peniruan daripada pengalaman dengan tujuan untuk merubah spektrum kehidupan kepada yang lebih positif.

Seseorang individu memiliki KKI apabila beliau berkebolehan untuk bersosial, bekerjasama dan berhubung dengan individu lain dengan mementingkan nilai murni, berpendirian dan kepekaan kepada perbezaan seseorang individu (Gardner,1983). Tambahan pula, KKI membolehkan seseorang individu untuk memahami dan menjiwai perasaan dan hasrat orang lain (Gardner,1983).

Menurut perspektif Islam, komunikasi interpersonal merupakan perkongsian maklumat berasaskan nilai-nilai yang bersumberkan al-Quran dan Hadis. Hubungan yang terjalin memberi impak positif serta mengelakkan daripada timbulnya sebarang masalah. Antara prinsip yang ditekankan semasa berkomunikasi seperti memberi salam, bercakap dengan lemah lembut, saling menghormati, menggunakan perkataan yang berhemah dan bercakap benar. Elemen-elemen ini mencerminkan keperibadian seseorang untuk melahirkan insan yang berakhlak dan bermoral.

### **MOTIVASI PEMBELAJARAN BAHASA ASING**

Motivasi merupakan satu kuasa yang mendorong seseorang individu untuk terus berusaha bagi mencapai impian. Jika dilihat dari sudut motivasi pembelajaran bahasa asing, ia merupakan gabungan antara usaha dan keinginan serta disusuli dengan dorongan untuk mencapai matlamat pembelajaran bahasa (Gardner, 1985). Ia merupakan sebagai penggerak kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran berbahasa yang merangkumi empat kemahiran iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur.

Terdapat tiga komponen yang mewakili motivasi seperti yang dimaksudkan oleh Gardner (1985) iaitu usaha, keinginan untuk belajar, dan kepuasan dengan tugas. Kesemua elemen ini merupakan unsur-unsur penting dalam menilai sejauh mana tahap dan kekuatan motivasi pembelajaran bahasa asing. Dorongan daripada motivasi pembelajaran bahasa asing mempunyai impak yang besar kepada nilai pedagogikal. Ini disebabkan pemahaman yang mendalam mengenai sifat motivasi pembelajaran bahasa asing yang kompleks dapat membantu pendidik untuk melaksanakan aktiviti dan perancangan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Hakikatnya, dorongan motivasi juga turut membuatkan pelajar berusaha untuk melakukan perubahan tingkah laku yang positif, berinisiatif untuk belajar dan cenderung untuk meningkatkan keyakinan diri.

Secara umumnya, motivasi merupakan pendorong kepada pelajar untuk berusaha dan bekerja untuk mempelajari bahasa asing disebabkan keinginan dan kepuasan ketika mempelajari dan menjalankan aktiviti tersebut (Gardner, 1985). Hakikatnya, pelajar akan merasa tertekan dan sukar untuk menguasai bahasa asing sekiranya tiada dorongan untuk mempelajari bahasa asing (Horwitz, 1986; MacIntyre and Gardner, 1994; Dornyei, 2009).

### **PENGARUH KEMAHIRAN KOMUNIKASI INTERPERSONAL TERHADAP MOTIVASI PEMBELAJARAN BAHASA ASING**

Kepesatan pembangunan ekonomi di negara kita memerlukan sumber manusia yang berkualiti tinggi dan produktif. Malah, ia mestilah seimbang daripada sudut intelek, jasmani, emosi dan rohani (Noor Afzaliza & Maizatul, 2021). Oleh itu, pentingya motivasi sebagai pendorong

untuk memiliki kualiti berketerampilan termasuk penguasaan bahasa asing yang merupakan nilai tambah seseorang pelajar.

Peranan KKI sangat penting dalam memotivasi seseorang pelajar untuk terus berusaha dan menguasai bahasa asing dengan baik. Penguasaan KKI dapat diaplikasi dalam proses PdP bahasa asing kerana ia menuntut pelajar untuk berinteraksi serta melakukan aktiviti pengajaran secara berkumpulan. Mereka perlu berkomunikasi sama ada untuk menyampaikan idea, menyelesaikan masalah, bertanya soalan serta berkongsi maklumat. Dengan dorongan sebegini akan menghasilkan pembelajaran secara aktif serta menguasai pelbagai kemahiran selain daripada membina hubungan sosial dengan rakan sebaya (Vygotsky, 1978).

Menurut Model Konstruktivisme Vygotsky (1978), perkembangan kognitif berlaku apabila terdapat aspek interaksi dan persekitaran. Situasi ini dapat mempengaruhi pembelajaran melalui interaksi sosial, komunikasi interpersonal serta pembelajaran melalui kerja berkumpulan. Secara analoginya, aspek ini akan mempengaruhi motivasi pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Rentetan daripada teori Vygotsky (1978), secara tidak langsung pelajar dapat menguasai KKI yang efektif semasa pembelajaran. Proses pembelajaran yang berkesan apabila teori ini memberi peluang dan potensi dalam pembelajaran selain daripada penyelesaian masalah, pendedahan pengetahuan dan persekitaran dan sokongan dari semua pihak (Zu'rain et al. 2022). Proses pembelajaran bahasa asing dapat mendorong pelajar lebih aktif dalam aktiviti pembelajaran malah meningkatkan prestasi akademik mereka (Wentzel, 2004). Dapatan kajian Saniah (2017) mengenai pembelajaran bahasa asing menekankan bahawa motivasi merupakan faktor penggerak dan pengaruh yang penting bagi seseorang individu untuk mencapai matlamat.

Pada waktu yang sama, korelasi KKI dengan motivasi pembelajaran bahasa asing mendorong pelajar membina keyakinan diri dan berpotensi meningkatkan prestasi akademik. Kajian telah membuktikan pencapaian akademik terus meningkat apabila pelajar lebih memberi tumpuan, mendengar dengan aktif serta memberi maklum balas ketika PdP dijalankan (Richard & Lynn 2008). Selain itu, objektif pembelajaran akan tercapai apabila terdapat sokongan dan perangsang secara emosi dan fizikal dalam PdP (Beebe et al. 2014). Komunikasi secara interpersonal yang merupakan sokongan dan perangsang secara emosi juga turut memberi ruang untuk mengenal pasti kewujudan tahap pelbagai kecerdasan dalam kalangan pelajar (Gardner, 1985), malah ia dapat diatasi masalah perbezaan sekiranya terdapat pelajar yang ketinggalan semasa proses PdP.

## **OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN**

Objektif kajian adalah untuk menguji jika terdapat perkaitan signifikan antara motivasi pembelajaran bahasa asing dengan KKI pelajar bahasa asing di universiti awam, Terengganu.

1. Adakah terdapat perkaitan signifikan antara motivasi pembelajaran bahasa asing dengan KKI pelajar bahasa asing di universiti awam, Terengganu?

Hipotesis nol telah dibentuk untuk menjawab soalan kajian iaitu:-

Ho1 : Tiada terdapat perkaitan signifikan antara motivasi pembelajaran bahasa asing dengan KKI pelajar bahasa asing di universiti awam, Terengganu.

## **METODOLOGI**

Reka bentuk kajian adalah bersifat kuantitatif yang dijalankan ke atas pelajar bahasa asing dari tiga universiti awam di Terengganu. Berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970), bilangan sampel yang diperlukan dalam kajian ini (jumlah populasi =1,327 orang) adalah seramai 302 orang. Bagi meningkatkan ketepatan penyelidikan maka seramai 360 orang pelajar telah dipilih secara rawak. Seramai 360 orang pelajar dalam kalangan pelajar bahasa asing dari tiga universiti awam di negeri Terengganu iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Teknologi MARA, Dungun dan Kuala Terengganu. Manakala jenis bahasa asing yang terlibat dalam kajian ini iaitu bahasa Arab, Mandarin dan Jepun.

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik bagi mengumpul maklumat kajian. Instrumen ini merupakan gabungan daripada soal selidik yang diadaptasi dari instrumen ‘An interpersonal communication skill inventory (ICSI)’ yang dibina oleh Bienvenu (1971), instrumen soal selidik kerja berpasukan (Hasril et al, 2016) dan instrumen soal-selidik ‘Language Learning Motivation’ (Nikita et al., 2016). Terdapat tiga bahagian dalam soal selidik kajian ini yang terdiri daripada maklumat demografi pelajar, soal selidik Kemahiran Komunikasi Interpersonal dan soal selidik Motivasi Pembelajaran Bahasa Asing. Data dianalisis dengan menggunakan perisian “Statistical Package for the Social Science” (SPSS 25).

Soal selidik kajian ini telah ditentukan kesahan muka dan kesahan kandungan oleh enam orang pakar. Di samping itu, satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang pelajar bahasa asing dari UA, Terengganu bagi menguji kebolehtadbiran instrumen, mendapatkan kesahan muka, dan menentukan indeks kebolehpercayaan. Secara keseluruhannya, nilai Alfa Cronbach yang diperolehi bagi setiap konstruk adalah di antara julat indeks 0.747 hingga 0.907. Indeks kebolehpercayaan ini adalah tinggi dan boleh diterima pakai (Field 2009; Pallant 2011).

## **DAPATAN KAJIAN**


Analisis ujian Korelasi Pearson digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perkaitan signifikan antara dua pemboleh ubah iaitu KKI sebagai pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas iaitu motivasi pembelajaran bahasa asing. Sebelum ujian tersebut dapat dijalankan, beberapa andaian yang menjadi prasyarat ujian hendaklah diambil kira iaitu data diambil daripada sampel yang sama, pemboleh-pemboleh ubah berskala selang atau nisbah, data bertaburan secara normal, kelinearan dan homokedastisiti (Coakes, 2005; Pallant, 2001).

Syarat pertama dan kedua telah disempurnakan semasa mereka bentuk kajian ini. Syarat ketiga pula diuji dengan melakukan ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov. Berdasarkan ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov menunjukkan data tidak bertaburan secara normal dengan nilai sig kedua-dua pemboleh ubah kurang dari nilai sig 0.05 ( $p < 0.05$ ). Jadual 1.0 menunjukkan hasil ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov menunjukkan bahawa data motivasi pembelajaran bahasa asing dan KKI tidak menepati taburan normal. Justeru, ujian Pearson tidak sesuai digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan pekali korelasi dan nilai signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut.

Jadual 1.0 : Ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov

Pemboleh ubah	Statistik	dk	Sig
Kemahiran Komunikasi Interpersonal	0.080	360	.000
Motivasi	0.056	360	.008

Syarat keempat dan kelima pula diuji dengan menghasilkan plot taburan reja bagi pemboleh ubah. Bagi menentukan kelinearan hubungan antara dua pemboleh ubah, hubungan linear dapat diperhatikan melalui graf P-plot. Bagi menentukan kelinearan hubungan antara dua pemboleh ubah, hubungan linear dapat diperhatikan melalui graf P-plot. Graf tersebut menunjukkan pertalian di antara dua pemboleh ubah numerik yang dipaparkan mengandungi nilai pemboleh ubah bersandar dan bebas. Graf scatterplot pada Rajah 1.0 menunjukkan skor pembolehubah berkelompok secara seragam dan sama rata di sekitar garisan linear.



Rajah 1.0: Graf scatterplot : Kelinearan Hubungan antara dua pemboleh ubah

Kesemua pra-syarat Pearson berjaya dipenuhi kecuali pra-syarat kenormalan taburan data. Memandangkan prasyarat ketiga tidak dapat dipenuhi, maka ujian korelasi bukan parametrik Spearman dijalankan bagi menguji hipotesis nol pertama.

### Ujian Korelasi Spearman Menguji Ho. 1

**Ho.1 Tiada perkaitan signifikan antara motivasi pembelajaran bahasa asing dengan KKI pelajar bahasa asing di universiti awam, Terengganu.**

Dapatan memaparkan keputusan ujian yang mendapati  $r = 0.502$  dengan nilai  $p < 0.05$  ( $r = 0.502$ ,  $p < 0.001$ ) seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.0. Ini menjelaskan korelasi hipotesis nol pertama (Ho.1) menunjukkan terdapatnya perkaitan signifikan antara dua pemboleh ubah iaitu motivasi pembelajaran bahasa asing dan KKI.

Jadual 2.0: Korelasi Antara Motivasi Pembelajaran bahasa asing dengan Kemahiran Komunikasi Interpersonal (N=360)

Hubungan Antara Pemboleh Ubah	R	Sig
Motivasi – Kemahiran Komunikasi Interpersonal	0.502	0.000

Arah hubungan dan kekuatan antara dua pemboleh ubah ini berpandukan kepada Skala Kekuatan Hubungan oleh Cohen, Manion dan Marrison (2011) seperti ditunjukkan Jadual 3.0. Dengan berpandukan kepada interpretasi skala kekuatan hubungan menunjukkan bahawa tahap hubungan antara motivasi pembelajaran bahasa asing dan KKI secara keseluruhan adalah sederhana (Cohen et al., 2011) Keputusan ini menjelaskan bahawa pelajar yang mempunyai motivasi mempunyai perkaitan yang signifikan dengan penguasaan KKI, dengan pertaliannya adalah sederhana dengan  $r = 0.502$ .

Jadual 3.0:

Interpretasi tahap

Tahap	Nilai Pekali Korelasi (r)
±.81 hingga 1.00	Sangat Kuat
±.51 hingga .80	Kuat
±.31 hingga .50	Sederhana
±.21 hingga .30	Lemah
±.01 hingga .20	Sangat lemah

## PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian ini menunjukkan terdapat perkaitan signifikan antara Motivasi Pembelajaran Bahasa Asing dengan KKI. Ini menjelaskan bahawa pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi mempunyai perkaitan yang signifikan terhadap penguasaan KKI. Pelajar lebih cenderung bersikap positif untuk menguasai KKI seterusnya meningkatkan tahap motivasi mereka kerana motivasi juga merupakan salah satu faktor penting dalam pembelajaran bahasa asing (MacIntyre, 1994). Selain itu, dapatan ini menyokong teori sosial pembelajaran Vygotsky (1978) yang menyatakan bahawa interaksi sosial juga dapat mempengaruhi penguasaan KKI dan memotivasi dalam pembelajaran. Secara umumnya, dapatan kajian ini dilihat menyumbang ke arah pemantapan berkaitan persoalan kajian seperti mana yang dinyatakan dalam beberapa kajian lepas seperti Ballesteros et al. (2022); Drakulić (2022); Muhammad Faiz et al. (2022); Hery (2018); Mohd Isha et al (2017); Norliza et al. (2010); dan Kamarul Shukri (2009). Walau bagaimanapun, kajian ini didapati berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Simset et al. (2020); Selcuk dan Ali (2020) serta Kaviza (2019) yang mendapati nilai pekali korelasi antara kedua-dua pemboleh ubah adalah lemah. Dapatan kajian ini turut menunjukkan bahawa tahap korelasi antara motivasi pembelajaran bahasa dengan KKI secara keseluruhan adalah sederhana ( $r = 0.502$ ). Terdapat perkaitan positif di antara Motivasi Pembelajaran Bahasa Asing dengan

penguasaan KKI apabila pekali korelasi menghasilkan nilai positif. Gardner dan Lambert (1972) menjelaskan sebab-akibat corak korelasi hubungan positif antara kedua pemboleh ubah kajian ini apabila motivasi dapat mendorong dan merangsang dalam pembelajaran bahasa seterusnya menguasai KKI. Antara faktor yang menyokong dapatan ini termasuk faktor kandungan bahasa asing Tahap 1 yang dipelajari merupakan satu bidang ilmu bahasa asing yang baru dipelajari oleh mereka di peringkat pengajian tinggi. Justeru, kandungan pelajaran yang agak ringkas dan mudah difahami oleh semua pelajar turut memberi motivasi kepada mereka untuk mempelajari bahasa asing. Tambahan pula, orientasi subjek bahasa asing yang bukan merupakan subjek pengkhususan bidang pengajian pelajar turut memberi kesan terhadap tahap motivasi pembelajaran mereka. Pada kebiasaannya pelajar akan dapat menguasai subjek yang termasuk dalam kategori 'subjek universiti' termasuk berkaitan pengajian bahasa asing. Selain itu, pelajar juga turut menguasai KKI yang merupakan kemahiran yang dititik berat dalam pembelajaran mahupun oleh pihak majikan seperti kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan kemahiran kerja berpasukan. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan tahap korelasi adalah sederhana apabila dapatan mempamerkan bahawa:

- i. Para pelajar UA, Terengganu bermotivasi untuk menguasai KKI semasa proses PdP bahasa asing. Mereka menguasai KKI dengan memastikan matlumat yang diterima jelas dan mudah difahami, bertanya soalan sekiranya kurang jelas, mendengar dengan aktif serta memberi maklum balas sama ada dalam bentuk lisan atau bukan lisan.
- ii. Para pelajar UA, Terengganu sentiasa bersikap positif dengan penguasaan KKI bagi mencapai matlamat motivasi untuk menguasai bahasa asing.

Oleh itu, korelasi antara perkaitan antara motivasi pembelajaran bahasa asing dengan penguasaan KKI dalam kalangan pelajar bahasa asing di UA, Terengganu adalah signifikan. Pekali korelasi yang positif menunjukkan motivasi pembelajaran bahasa asing mempunyai perkaitan yang positif dengan penguasaan KKI. Dengan kata lain, motivasi berpotensi memberi impak positif kepada pelajar untuk menguasai bahasa asing seterusnya menguasai KKI yang merupakan elemen yang diberi penekanan oleh pihak majikan.

## **KESIMPULAN**

Dapatan kajian membuktikan bahawa peranan KKI sangat penting dalam memotivasi seseorang pelajar untuk menguasai bahasa asing dengan baik. Hubungan linear dan korelasi positif antara motivasi pembelajaran bahasa asing dengan penguasaan KKI menyokong teori sosial pembelajaran Gardner (1985) dan Dornyei (2005) yang melihat motivasi sebagai penggerak kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran berbahasa serta menguasai KKI. Tahap hubungan antara motivasi pembelajaran bahasa asing dan KKI secara keseluruhan adalah sederhana (Cohen et al., 2011). Keputusan ini menjelaskan bahawa pelajar yang mempunyai motivasi mempunyai perkaitan yang signifikan dengan penguasaan KKI dengan pertaliannya adalah sederhana.



## RUJUKAN

- Ballesteros, R., José, L., De Saá, P.P., García, C. Natalia, Martín. A., Fernando, Sánchez, G. Gonzalo (2022). The influence of team members' motivation and leaders' behaviour on scientific knowledge sharing in universities. *International Review of Administrative Sciences*; 88(2),Jun : 320-336.
- Beebe, Steven, A. Beebe, Susan, J. & Redmond, Mark, V. (2014). *Interpersonal Communication : Relating to others*. Boston : Pearson.
- Bienvenu, M. (1971). An Interpersonal Communication Inventory. *Journal of Communication*, 21(4), 381-8.
- Brown, H. (2001). *Teaching by Principles : An Interactive Approach to Language Pedagogy*. Longman.
- Brooks, B. (2006). The Power Of Active Listening. *The American Salesman* . ProQuest 12.Vol 51(6), 12-14.
- Coakes,S.J. (2005). *SPSS version 12.0 for windows analysis without anguish*. Milton. John Willey Sons Australia Ltd.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2011). *Research Methods in Education (7th ed.)* London: Routledge.
- Daiton, M. & Zalley, E. (2010). *Applying Communication Theory for Professional Life*. USA, Sage Publication.
- DeVito, J, A. (2002). *The Interpersonal Communication Book*. Ninth edition. New York: Longman
- Dornyei, Z. (2005). Language learners' motivational profiles and their motivated learning behaviour. *Language Learning*, 55(4), 613-659.
- Drakulić, M. (2022). Mind the Gap: Age-Related Differences in Students' Perceptions of English Foreign Language Teacher and Motivation. *C.E.P.S. Journal*, 12(2), 267-289.
- Field, A. P. (2005). *Discovering Statistics Using SPSS*, Sage Publications Inc.
- Foreign Language Teacher and Motivation. *CEPS Journal : Center for Educational Policy Studies Journal*, 12, (2); 267-291.
- Gardner.H.(1983). *Frames of Mind. The Theory of Multiple*. Google Book Version cited at <https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=4Y5VDgAAQBAJ&oi=fnd&pg=PT4&dq=gardner+multiple+intelligences+1983&ots=RrnjGiV2By&sig=Pfc6cTOT6trzati0Bsql4HZ0#v=onepage&q=gardner%20multiple%20intelligences%201983&f=false> Intelligences diakses pada 13/3/2018.
- Gardner, H. (1985). The Role of Attitudes and Motivation In Second Language Learning: Correlation and Experimental Considerations. *Language Learning*. 35(2): 207-227.
- Hasril, M.A., Isma, A.N., Fathin, L.Z., Norhayati, N. (2016). Tahap kemahiran generik pelajar Malaysia dalam proses pengajaran dan pembelajaran: Kajian kes pelajar Institut Kemahiran Mara, Johor Baharu. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 12 (3):111 - 121.
- Hery M.L. (2018). Hubungan antara Komunikasi Interpersonal dengan Motivasi Belajar Siswa Kelas XI SMA N 1 Sentolo Tahun Ajaran 2017/2018. *Bimbingan dan Konseling*, FKIP, Universitas PGRI Yogyakarta.

- Kamarul Shukri, M.T. (2009). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama. Tesis Phd tidak terbit. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kaviza, M. (2019). Korelasi Antara Motivasi Intrinsik dengan Pencapaian Subjek Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4 (8), 1-10.
- Krejcie. R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30 (3). 607-610.
- MacIntyre, P.D. 1994. Toward a social psychological model of strategy use. *Foreign Language Annals* 27 (2): 185-195
- Mohd Isha, A.(2017). Impak Pendidikan Bahasa Melayu terhadap Tahap Kesetiaan berbahasa Melayu Pelajar IPTA dilihat di <https://www.researchgate.net/publication/317075128> diakses pada 2/11/2019.
- Muhammad Faiz Rosli, Abd Razaq Ahmad, & M. Khalid M. Nasir. (2022). Hubungan antara Kompetensi Guru dengan Motivasi Murid Untuk Belajar dalam Norma Baharu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), 1-15.
- Norliza, A.M., Zalizan, M.J., Norzaini, A., Saemah, R. (2010). Communication Skills and Work Motivation Amongst Expert Teachers. *Communication Skills and Work Motivation Amongst Expert Teachers. Procedia - Social and Behavioral Sciences* 7,565– 567.
- Noor, A.N.I. & Maizatul, H. M. (2021), Keterampilan Peribadi Pelajar Sebagai Satu Bentuk Kemahiran Komunikasi dan Kepentingannya dalam Pasaran Dunia Pekerjaan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 37(1), 209-226.
- Pallant, J. F. (2013). *SPSS Survival Manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS (5th edition)*. Mc Graw Hill Companies. New York, USA.
- Richard & Lynn (2008). *Understanding Interpersonal Communication: Making Choices in Changing Times* dari [https://books.google.com.my/books/about/Understanding\\_Interpersonal\\_Communication.html?id=E19wR7hEEoIC&redir\\_esc=y](https://books.google.com.my/books/about/Understanding_Interpersonal_Communication.html?id=E19wR7hEEoIC&redir_esc=y) pada 9.6.2017 diakses pada /8/2019.
- Saniah, S.A.B. (2017). Komunikasi Interpersonal Guru Bahasa di Jerman. *Gema Online Journal of Language Studies*. 17 (2). 245-261.
- Selcuk, S. & Ali, R.E. (2020). Correlation between Communication skills and Motivation of Teachers. *International Online Journal of Educaion Sciences* 12(3):1-9.
- Simsek, S., & Erdem, A. R. (2020). Corelation between Communication Skills and Motivation of Teachers, *International Online Journal of Educational Sciences*, 12 (3), 1-9.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Cambridge, Mass.: Harvard University Press.
- Wentzel, K. R. (2004). *Understanding classroom competence: The role of social-motivational and self processes dalam Theo, Perry, d.B., Jan. V.T. dan Jack, L. Interpersonal Relationships in Education*. Sense Publishers, Rotterdam.
- Zur'ain, H., Mohd Issuddin, M.P. Hazlin, F.R., Zetty, N.R.M Muhammad Najib, A.H., Norakyairee, M.R.& Haifizhah, Z. (2022). Teori Vygotsky dalam Pembelajaran Murid dan Kaitan dengan Ciri Murid Bekeperluan Khas Penglihatan. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*. 6(1), 57-63.